



BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 - LATAR BELAKANG MASALAH

Al-Qur'ān merupakan panduan hidup manusia yang memandu mereka ke jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Perkara ini amat jelas apabila kita merujuk kepada salah satu nama al-Qur'ān iaitu *Hudan*¹ yang bermaksud petunjuk atau pemandu. Walaubagaimanapun, al-Qur'ān tidak akan dapat memberi manfaat kepada manusia sekiranya segala isi kandungannya tidak dapat dihayati atau difahami dengan mendalam. Satu-satunya disiplin atau medium yang mampu untuk menghuraikan segala isi kandungan al-Qur'ān ialah pengajian Tafsir al-Qur'ān.

Tafsir al-Qur'ān adalah satu bidang ilmu yang amat penting dan boleh dianggap sebagai nyawa bagi syariat Islam kerana segala isi kandungan agama Islam dihuraikan secara langsung olehnya. Boleh juga dikatakan segala ilmu-ilmu Islam yang wujud sekarang ini adalah hasil daripada perkembangan kajian terhadap ayat-ayat al-Qur'ān itu sendiri. Kewujudan berbagai-bagai ilmu Islam yang lain secara jelasnya membuktikan kesyumulan al-Qur'ān yang merupakan punca segala ilmu pengetahuan.

¹ Berdasarkan kepada ayat kedua daripada surah al-Baqarah yang bermaksud : *Itulah kitab yang tidak ada keraguan padanya , yang menjadi petunjuk kepada orang-orang yang bertaqwa.*

Kepentingan pengajian Tafsir al-Qur'ān sememangnya telah diakui oleh para ulama' sepanjang zaman yang senantiasa menghasilkan kitab-kitab tafsir mengikut kesesuaian zaman mereka. Fenomena ini telah berjalan secara konsisten sepanjang zaman , namun ia kelihatan terhenti seketika dalam period kemunduran umat Islam pada sekitar abad ke sebelas Hijrah. Zaman ini dikaitkan dengan zaman kebekuan ijtihad atau zaman taqlid, yang dianggap oleh sesetengah golongan masih berterusan hingga kini. Perkara ini diburukkan lagi dengan penjajahan kuasa-kuasa Barat ke atas negara-negara umat Islam di seluruh dunia. Walaupun para penjajah tersebut kemudiannya meninggalkan negara-negara tersebut secara fizikal, namun mereka tetap meninggalkan benih-benih penjajahan pemikiran² dan sebagainya dengan tujuan untuk menjauhkan umat Islam daripada sumber kekuatan mereka iaitu al-Qur'ān.³

Setelah melihat kepada masalah ini, beberapa tokoh Islam di Timur Tengah telah menjalankan usaha İslāḥ dan Tajdīd di dalam agama untuk mengembalikan umat Islam daripada belenggu penjajahan pemikiran kafir kepada penghayatan al-Qur'ān yang sejati. Di antara tokoh terbabit ialah Muḥammad Abduh, Muḥammad Rasyīd Riḍā, Sa'īd Ḥawwā, Ḥassan al-Bannā, Sayyid Quṭb, Muḥammad al-Ghazālī, Yūsuf al-Qaraḍāwī dan sebagainya.⁴ Segala usaha mereka yang berasaskan kepada penghayatan sebenar isi kandungan al-Qur'ān telah menyedarkan umat Islam di zaman ini kepada kepentingan untuk kembali kepada pengajaran al-Qur'ān.

² Di antara contoh usaha yang dilakukan untuk mengekalkan penjajahan mereka ialah dengan perlantikan generasi didikan mereka yang bencikan Islam seperti Mustafa Kamal Ataturk di Turki yang bertanggungjawab menjatuhkan kerajaan Islam Uthmaniyyah.

³ Dr. Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī (1999), *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirin*, al-Urdūn : Dār al-'Aqīl , hal 575-576.

⁴ *Ibid* , hal 577-579.

Istilah terbaik untuk menggambarkan segala usaha mereka ialah proses pentafsiran semula al-Qur'ān mengikut kehendak semasa bersama dengan pembaharuan-pembaharuan yang sepatutnya. Kemunculan kitab tafsir semasa begitu penting bagi menjawab segala permasalahan yang baru muncul menurut neraca al-Qur'ān. Ada yang berpendapat tafsir semasa yang sesuai dengan zaman moden hendaklah membawa maksud sebenar penurunan al-Qur'ān.⁵ Bahkan proses pentafsiran semula al-Qur'ān mengikut kesesuaian zaman merupakan sunnah Allah dan suatu tuntutan yang tidak dapat dielakkan lagi.

Selain itu , pengajian Tafsir al-Qur'ān perlu diketengahkan ke dalam masyarakat dengan suatu pendedahan baru yang bersesuaian dengan zaman ini kerana huraian al-Qur'ān tidak hanya statik untuk satu-satu zaman sahaja, malahan ianya senantiasa berinteraksi dengan manusia sepanjang zaman. Dari segi tanggungjawab sosial dan ilmiah pula, masyarakat perlu didedahkan kepada kaedah serta cara sebenar pentafsiran al-Qur'ān bagi mengelakkan penyalahgunaan ayat-ayat al-Qur'ān untuk kepentingan sempit peribadi seseorang. Tanpa garis panduan ilmu Tafsir al-Qur'ān yang telah digariskan oleh para ulama' di bidang ini, kesucian al-Qur'ān akan tercemar dan fungsi al-Qur'ān sebagai petunjuk manusia akan hilang.

⁵ Menurut Imām Muḥammad Rasyīd Ridā , kebanyakan para pentafsir silam seperti Imām Fakhr al-Rāzī cenderung untuk membawa huraian yang tidak begitu relevan dengan al-Qur'ān. Bahkan , corak pentafsiran yang sedemikian rupa telah menghalang maksud sebenar isi kandungan al-Qur'ān. Tafsiran moden sepatutnya mempunyai huraian yang bersesuaian dengan realiti zaman , mudah untuk difahami serta mengambil kira sasaran pembaca yang datang dari berbagai-bagi tahap pemikiran. Lihat , Muḥammad Rasyīd Ridā (t.t) , *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm - Tafsīr al-Manār*, Dār al-Fikr , cet. kedua , hal 7 & 10.

Bagi konteks negara kita, kekurangan karya-karya Tafsir al-Qur'ān yang baru amat jelas ketara.⁶ Kemunculan karya Tafsir al-Qur'ān yang menepati kehendak semasa di Malaysia adalah diperlukan oleh umat Islam. Oleh itu, di dalam kajian ini penulis telah berusaha untuk mengetengahkan perbincangan mengenai pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān. Kedua-dua perkara tersebut merupakan elemen yang penting di dalam penghasilan sesebuah karya tafsir yang baru.⁷ Penulis berpendapat, tanpa kedua-dua perkara tersebut, sebarang karya baru yang dihasilkan hanyalah merupakan karya biasa sahaja, malahan tidak lebih daripada sebuah teks terjemahan daripada mana-mana teks tafsir berbahasa Arab sahaja.

Sebarang karya tafsir baru yang hendak dihasilkan mestilah bersifat universal dan mengambil kira kesemua keperluan di zaman ini termasuklah penggunaan segala ilmu-ilmu moden. Dengan adanya integrasi di antara ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu moden, peranan sesebuah karya tafsir alaf baru sebagai pembawa mesej Islam akan lebih menyerlah. Walaubagaimanapun, kebiasaananya kecenderungan umat Islam untuk mendekati dan memahami isi kandungan al-Qur'ān banyak terhalang oleh beberapa faktor tertentu seperti halangan bahasa dan peluang.⁸ Kebanyakan karya Tafsir al-Qur'ān yang muncul sejak zaman berzaman adalah dalam bentuk kitab turāth berbahasa Arab. Walaupun ada sesetengah pihak berusaha untuk

⁶ Perkara ini dijelaskan sendiri oleh Syeikh Abdullah Basmeih di dalam kitabnya Tafsir Pimpinan al-Rahman. Lihat Wan Ramizah Hasan (2000) , *Sumbangan Syeikh Abdullah Basmeih dalam Bidang tafsir : Suatu tumpuan kepada kitab tafsir pimpinan al-Rahman* , Tesis sarjana , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 175.

⁷ Dr M. Quraish Shihab (1992) , *Membumikan al-Qur'ān, Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat* , Bandung : Pustaka Mizan , cet. pertama , hal 92-96.

⁸ Peluang yang dimaksudkan itu merangkumi kesempatan untuk menghadiri kuliah-kuliah tafsir yang diadakan , atau kesempatan kewangan untuk membeli kitab-kitab tafsir.

memindahkan segala khazanah tafsir tersebut kepada bentuk-bentuk baru seperti cakera padat, kaset dan internet, namun segala usaha tersebut tidak lebih daripada suatu unsur salinan semula sahaja.⁹ Sekiranya tiada usaha dilakukan untuk merobohkan halangan-halangan tersebut, peranan dan fungsi al-Qur'ān sebagai petunjuk umat manusia sepanjang zaman akan tertutup.

Sebagai suatu langkah penyelesaian kepada masalah tersebut, penulis berpendapat sebuah pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang menjadi sebuah bank pengumpulan tafsir lama dan moden perlu dibina. Pengkalan data tersebut akan mempunyai beberapa bahasa pengendali utama yang akan memberi peluang yang meluas kepada semua orang dari latar belakang bahasa yang berbeza untuk menggunakan serta memahami al-Qur'ān dengan lebih mendalam. Cadangan ini diketengahkan berikutan perkembangan teknologi di zaman ini yang menyerlahkan kepenggunaan komputer dan segala teknologi moden. Sekiranya segala kemudahan-kemudahan ini tidak dimanipulasi semaksimum mungkin, umat Islam yang sudah sedia ketinggalan dari sudut teknologi akan terus terkebelakang dan kerugian.

⁹ Di antara ciptaan baru yang mengketengahkan bentuk al-Qur'ān digital ialah satu produk yang dinamakan *al-Muhaffiz*. Alat ini mengandungi skrin yang memaparkan surah-surah al-Qur'ān , terjemahannya , audio lengkap bacaan al-Qur'ān oleh para Qari terpilih , fungsi ulangan untuk setiap ayat , penanda untuk muka surat terakhir yang telah dibuka , himpunan hadith 40 (dalam bahasa Arab dan Inggeris) , panduan haji serta umrah (dalam bahasa Arab dan Inggeris) , waktu sembahyang dan arah kiblat yang melibatkan 1100 buah bandar-bandar di seluruh dunia , jam loceng dengan suara azan sembahyang dan sebagainya. Saiznya yang sederhana kecil (Size 3 X 5 inci) serta fungsinya yang mudah , mesra pelanggan dan menarik , mampu untuk menggalakkan orang ramai mempelajari al-Qur'ān. Harganya ialah US Dollar 199.43. Lihat <http://www.simplyislam.com/52888.html> (19 januari 2004)

Penulis juga berpendapat, gagasan pembinaan pengkalan data tersebut boleh disifatkan sebagai usaha pembaharuan atau tajdid di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān zaman ini kerana ianya akan menjadi rujukan atau pemudah cara bagi orang-orang Islam tanpa mengira sempadan bangsa, bahasa dan negara untuk mengenali agama mereka dengan lebih praktikal dan mendalam. Pada masa yang sama ianya juga boleh menjadi suatu platform untuk menarik orang-orang bukan Islam mendekati serta mempelajari keindahan Islam. Kepenggunaan teknologi terkini di kalangan umat Islam juga boleh ditingkatkan.

Seterusnya, kajian ini difokuskan kepada perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu yang mendiami Malaysia dan beberapa negara di alam Melayu. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada kesinoniman Islam dengan bangsa Melayu itu sendiri.¹⁰ Selain itu, penulis juga mendapati proses pemodenan di dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman banyak dipengaruhi secara tidak langsung oleh pengajian Tafsir al-Qur'ān.¹¹ Penulis berpendapat pendekatan pengajian Tafsir al-Qur'ān adalah merupakan kaedah yang terbaik untuk mengukur kefahaman Islam di kalangan orang Melayu kerana ianya adalah kaedah yang telah digunakan oleh nabi s.a.w untuk mendidik generasi awal Islam. Dengan kaedah tersebut, baginda telah berjaya menghasilkan generasi sahabat yang unggul. Di samping itu, penulis juga berharap menghasilkan suatu natijah yang baru berkaitan dengan pengajian Tafsir al-Qur'ān agar hasilnya akan dapat menarik minat masyarakat Melayu Islam di negara kita ke arah mendekati al-Qur'ān. Hasilnya juga

¹⁰ Mohd. Yusof Hasan (1991) , *Dunia Melayu* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , hal 16.

¹¹ Huraian mengenai perkara tersebut akan dinyatakan di dalam bab ketiga pada kajian ini.

sudah pasti akan dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan lagi perkembangan Islam di Malaysia.

1.2- HIPOTESIS KAJIAN

Setelah diteliti secara umum, penulis telah menganggarkan beberapa hipotesis yang akan cuba dibuktikan di dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah :

1.2.1-Prinsip pengajian Tafsir al-Qur'ān sudah sedia wujud di dalam masyarakat orang Melayu semenjak zaman berzaman. Walaubagaimanapun semua prinsip-prinsip tersebut wujud secara tidak tersusun dan tanpa disedari. Bahkan telah terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh para ulama melayu sepanjang zaman untuk menerapkan fahaman pengajian Tafsir al-Qur'ān dengan berbagai-bagai pendekatan yang tersendiri bersesuaian dengan budaya orang Melayu. Segala prinsip-prinsip di atas boleh dianggap sebagai lambang pemodenan dan pembaharuan yang berhasil daripada pengaruh pengajian Tafsir al-Qur'ān.¹²

1.2.2- Karya-karya Tafsir al-Qur'ān yang dihasilkan oleh para pentafsir Melayu agak kurang dan masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan masyarakat. Akibatnya tumpuan anggota masyarakat yang hendak mempelajari Tafsir al-Qur'ān amat terhad dan terbatas kepada beberapa teks tertentu sahaja atau ulasan yang dibuat oleh para guru yang mengajar pengajian Tafsir al-Qur'ān di tempat-tempat tertentu.

¹² Segala prinsip-prinsip tersebut akan penulisuraikan pada bab ketiga. Kesan itu telah menjadikan masyarakat orang Melayu agak sistematik dengan nilai-nilai kepimpinan , sosial , moral , kesenian dan sebagainya.

1.2.3- Unsur-unsur pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu sudah sedia wujud. Perkara tersebut boleh dilihat dalam dua bentuk iaitu dalam konteks penggunaan teknologi moden untuk menaiktarafkan pengajian Tafsir al-Qur'ān dan aliran pentafsiran yang baru terhadap ayat-ayat al-Qur'ān itu sendiri. Walaubagaimanapun, pentafsiran-pentafsiran tersebut wujud secara terpisah-pisah dan sukar untuk dikesan dengan sistematik. Oleh itu, perlu ada usaha untuk mengumpulkan kesemua tafsiran tersebut di bawah satu payung yang khusus.

1.2.4- Pentafsiran al-Qur'ān tidak boleh terlalu statik, bahkan perlu senantiasa berinteraksi dengan zaman yang berbeza. Penggerak utama ke arah pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān ialah proses pentafsiran semula al-Qur'ān. Di dalam menjalankan usaha tersebut gabungan serta interaksi di antara ilmu-ilmu agama dan sains moden perlu dipupuk. Elemen Ijtihād , İslāh dan Tajdīd juga perlu digunakan untuk menghasilkan sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān semasa yang menepati kehendak zaman ini.

1.2.5- Pengajian Tafsir al-Qur'ān yang terlalu stereotype dengan kaedah pembelajaran tradisional perlu dinaiktaraf serta diterap dengan berbagai-bagai teknologi moden hari ini. Usaha untuk memaksimumkan penggunaan teknologi moden hari ini akan lebih meluaskan lagi skop pengajian Tafsir al-Qur'ān bersesuaian dengan idea dunia tanpa sempadan pada hari ini. Di dalam menjayakan usaha tersebut, sebuah pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang universal perlu ditubuhkan sebagai sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān digital moden. Pengkalan data itu juga akan

bertugas untuk menyebarkan dakwah Islam secara meluas dengan kelengkapan teknologi terkini yang canggih serta bahasa pengendali utama dunia seperti Inggeris, Arab, Melayu, Mandarin, Jepun, Perancis, Latin dan sebagainya.

1.3- OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif dan matlamat tertertu. Objektif kajian ini ialah:

- i. Untuk menyelidiki perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu khususnya di Malaysia.
- ii. Untuk menyelidiki konsep pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu.
- iii. Untuk menyelidiki contoh-contoh pemodenan dan pembaharuan yang terdapat di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu
- iv. Untuk mengetengahkan gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān sebagai sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān moden.
- v. Untuk menganalisis perkembangan penulisan kitab tafsir di kalangan ahli tafsir Melayu serta meneliti sumbangannya terhadap disiplin ini.
- vi. Menghasilkan suatu natijah yang dapat membantu untuk mengembangkan lagi dakwah Islam berdasarkan pengajian Tafsir al-Qur'ān secara lebih berkesan dan praktikal.

1.4 - PENGERTIAN TAJUK

Tajuk yang menjadi pilihan penulis di dalam kajian ini adalah **Pemodenan dan Pembaharuan Dalam Pengajian Tafsir di Kalangan Orang Melayu : Kajian Ke Arah Pembinaan Pengkalan Data Tafsir al-Qur'an**. Bagi memperincikan maksud sebenar tajuk ini penulis akan membahagikannya kepada beberapa bahagian iaitu :

1.4.1-Pemodenan - Pemodenan bermaksud sebarang kegiatan atau usaha yang dilakukan untuk memajukan atau memodenkan sesuatu. Kadangkala istilah **modenisasi** digunakan untuk merujuk kepada makna yang sama.¹³ Sebenarnya maksud pemodenan ini terdedah kepada dua kemungkinan, baik (positif) dan buruk (negatif) dalam erti kata sebarang usaha pemodenan tidak semestinya mendatangkan kebaikan yang mutlak kepada manusia. Di antara contoh yang boleh diambil untuk mengutarakan perkara ini ialah teknologi pengangkutan seperti kereta. Di samping banyak membantu menyingkatkan masa perjalanan manusia, banyak juga meragut nyawa dengan kemalangan yang melibatkan kelajuan. Selain itu sesebuah masyarakat yang mencapai pemodenan budaya akan meningkat maju serta efisyen, tetapi pada masa yang sama juga terdedah kepada unsur-unsur negatif seperti peningkatan tekanan perasaan, gejala moral dan sebagainya.

¹³ Dr. Teuku Iskandar (1997), *Kamus Dewan* , Edisi Ketiga , hal 895.

Bagi konteks kajian ini, pemakaian istilah pemodean lebih merujuk kepada penggunaan segala teknologi terkini untuk mengukuhkan pengajian Tafsir al-Qur'an. Di samping itu, penerapan unsur-unsur pemodean ke dalam pengajian tafsir akan dapat meluaskan lagi kemungkinan pemahaman dan penyebaran al-Qur'an kepada semua manusia tanpa mengira batasan sempadan negara, bahasa dan bangsa. Penulis mengambil istilah tersebut dengan tujuan untuk menjadikan tajuk ini lebih menarik perhatian umum dan bersesuaian dengan perkembangan zaman ini. Bahkan pengistilahan tersebut pernah digunakan oleh seorang sarjana dari Indonesia Dr. M.Quraish Shihab di dalam sebuah bukunya.¹⁴

Walaubagaimanapun, penggunaan istilah pemodean untuk merujuk secara tepat kepada isu Tajdid di dalam pengajian tafsir adalah tidak bersesuaian dan sebagai langkah untuk memperjelaskan lagi tajuk, penulis akan mengabungkan istilah pemodean tersebut dengan istilah pembaharuan.

1.4.2-Pembaharuan – Pembaharuan bermaksud perihal (perbuatan dan lain-lain) membaharui.¹⁵ Penulis berpendapat bahawa istilah ini lebih tepat dan sesuai untuk digunakan bagi mentakrifkan istilah Tajdid di dalam pengajian tafsir. Tajdid bermaksud penyegaran semula kefahaman dan komitmen terhadap nilai-nilai agama serta bentuk-bentuk realisasi yang selaras dengan

¹⁴ Op.cit , Dr M. Quraish Shihab , hal 92-96.

¹⁵ Op.cit , Dr. Teuku Iskandar , hal 87.

keperluan zaman dalam batas yang dimungkinkan oleh syara'.¹⁶ Bahkan istilah Tajdīd ini sendiri secara totalnya hanya merujuk kepada unsur-unsur positif sahaja, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh satu hadith nabi :

ان الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها

Ertinya : Sesungguhnya Allah akan membangkitkan untuk umat ini (umat Islam) pada setiap permulaan seratus tahun seseorang yang akan memperbaharui (penghayatan) agamanya.¹⁷

Penggunaan istilah tajdid sebagai merujuk kepada isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān pernah digunakan oleh Dr. Muḥammad Ibrāhīm Syarīf di dalam bukunya yang bertajuk *Ittijāhāt al-Tajdīd Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Fī Miṣr*.¹⁸ (*Aspek-aspek pembaharuan di dalam Tafsir al-Qur'ān di Mesir*).

Secara kesimpulannya, kedua-dua perkataan yang digunakan itu saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Penggunaan pemodenan lebih merujuk kepada penggunaan segala teknologi terkini di dalam mengukuhkan pengajian tafsir, manakala istilah pembaharuan lebih merujuk kepada makna

¹⁶ Abdul Ghani Shamsudin (1989), *Tajdid Dalam Pendidikan dan Masyarakat* , Dewan Pustaka Fajar, Persatuan Ulama Malaysia , hal 11.

¹⁷ Abd al-'Azīz al-Mundhirī (t.t), *Mukhtaṣar Sunan Abū Dāwūd* , Kitāb al-Malāḥim , Bāb Mā Yudhkar fī Qarn al-Mi'āt , Bayrūt : Dār al-Ma'rīfah , Jil 5 , hal 163.

¹⁸Dr. Muḥammad Ibrāhīm Syarīf (1982), *Ittijāhāt al-Tajdīd Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Fī Miṣr*, Qāhirah : Dār al-Turāth , cet. pertama.

Tajdid atau pembaharuan di dalam usaha menghasilkan sebarang pentafsiran al-Qur'ān yang bersesuaian dengan kehendak semasa.

1.4.3 – Pengajian : Menurut Kamus Dewan ada dua maksud kepada perkataan pengajian iaitu usaha atau kegiatan belajar membaca al-Qur'ān dan proses pembelajaran dan penyelidikan (yang mendalam dan terperinci) atau perolehan pelajaran yang mendalam atau di peringkat tinggi.¹⁹ Untuk kajian ini, pengajian bermaksud sebarang usaha pembelajaran terhadap pengajian Tafsir al-Qur'ān.

1.4.4– Tafsir : Di dalam menentukan pengertian tafsir pada bahagian ini, penulis cuma akan menggunakan pengertian yang terpilih sahaja tanpa mendalaminya secara terperinci. Dari segi bahasanya perkataan tafsir berasal daripada perkataan *al-Fasr* yang membawa makna penjelasan dan keterangan. Makna ini disandarkan kepada ayat al-Qur'ān dari surah al-Furqān : 33 yang bermaksud penerangan dan perincian.

وَلَا يَأْتُوكَ بِمَثِيلٍ إِلَّا جِنَانَكَ بِالْحَقِّ وَأَخْسَنَ تَفْسِيرًا (٣٣)

Ertinya : Dan tidaklah kami mendatangkan kepada kamu al-Qur'ān itu kecuali dengan perumpamaan serta perincian yang elok.
(Surah al-Furqān : 33)

¹⁹ Op.cit , Dr. Teuku Iskandar (1997), hal 560

Manakala takrif tafsir dari segi istilah (yang terpilih daripada banyak pentakrifan yang dibuat oleh para ulama) ialah suatu ilmu yang digunakan untuk memahami kitab Allah (al-Qur'ān) dengan kemampuan akal manusia. Ianya meliputi segala aspek yang berkaitan dengan memahami makna dan isi kandungannya atau suatu ilmu khusus yang mengkaji tentang al-Qur'ān dari segi menghuraikan dalil-dalilnya bersesuaian dengan kehendak Allah dan tahap kemampuan akal manusia ²⁰

1.4.5 – Orang Melayu : Sekelompok manusia yang dikaitkan dengan bangsa Melayu. Mereka bertutur dengan bahasa Melayu dan mendiami beberapa tempat di kepulauan Melayu terutama sekali di Semenanjung Malaysia.²¹ Maksud lain yang dapat diberikan kepada orang Melayu ialah orang-orang yang mempunyai jati diri berdasarkan kepada tiga perkara yang utama iaitu budaya, bahasa dan agama. Untuk memperincikan lagi maksud Melayu, penulis menghadkan skopnya kepada beberapa aspek iaitu :

1.4.5.1- Orang-orang yang mampu bertutur dengan bahasa Melayu.

1.4.5.2- Tinggal di rantau alam Melayu²² serta mengamalkan budaya

²⁰ Abd al-'Ażīm Ahmad al-Ghubāṣī (1971), *Tārīkh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufassirīn*, Qāhirah : Dār al-Ṭab'ah al-Muḥammadiyah, cet. Pertama , hal 4.

²¹ Op.cit , Dr Teuku Iskandar , hal 874.

²² Istilah kepulauan Melayu dan rantau alam Melayu yang digunakan sehingga ke hari ini ialah kawasan yang meliputi beberapa negara seperti Indonesia , Malaysia , Singapura dan Brunei. Walaupun begitu ada juga sesetengah sarjana yang cuba meluaskan skop alam Melayu kepada semua kawasan yang didiami oleh orang Melayu di serata dunia seperti di Madagascar , Taiwan , Indochina dan sebagainya. Lihat , Mohammad Redzuan Othman (1994), *The Middle Eastern Influence On The Development Of Religious And political Thought In Malay Society , 1880-1940*, Tesis Phd , Universiti Of Edinburgh , hal 13.

hidup orang Melayu.²³

1.4.5.3- Menghasilkan karya Tafsir al-Qur'ān berbahasa Melayu atau terlibat dengan pengajian Tafsir al-Qur'ān yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara utama.²⁴ Dalam konteks ini, penulis hanya akan menyenaraikan beberapa karya Tafsir al-Qur'ān yang popular dan meluas penggunaannya di alam Melayu lebih-lebih lagi di Malaysia. Pemilihan karya-karya tersebut bertujuan untuk menghadkan kajian ini kepada tahap yang sepatutnya sahaja.

1.4.6- Pengkalan Data : Pengkalan data atau database bermaksud sebarang koleksi maklumat atau rekod (yang wujud di dalam bentuk elektronik) yang disusun untuk memudahkan sebarang pencarian dengan menggunakan komputer. Pengkalan data juga boleh disifatkan sebagai sistem pengumpulan data secara elektronik.²⁵ Orientasi rekod yang terkandung di dalam sesebuah pengkalan data meliputi objek fizikal seperti buku, penerbitan, bahan

²³ Di antara jati diri utama orang Melayu yang boleh dikaitkan secara mutlak dengan budaya mereka ialah agama Islam. Bahkan sesetengah pengkaji telah memasukkan beberapa tokoh tempatan yang berdarah kacukan arab seperti Sayyid Syeikh Al-Hadi (aktivis kaum muda di Pulau Pinang di era 1930an) sebagai orang Melayu kerana perkongsian agama dan beberapa budaya hidup mereka. Lihat , *Ibid* , hal 14-15. Berdasarkan penilaian ini , penulis berpendapat penyenaraian Syeikh Abdullah Basmeih sebagai salah seorang tokoh pentafsir al-Qur'ān Melayu adalah perlu dan amat berpatutan.

²⁴ Penekanan ini dibuat bagi menjelaskan beberapa kekeliruan yang mungkin timbul berikutnya penyenaraian tokoh tafsir tempatan yang bukan berbangsa Melayu seperti Syeikh Abdullah Basmeih. Walaupun berbangsa Arab Yaman (Hadramawt), peranan beliau di dalam menghasilkan karya tafsir berbahasa Melayu meningkatkan lagi kecenderungan penulis untuk memasukkannya di dalam skop Melayu di dalam kajian ini. Tambahan pula karya tafsirnya yang terkenal iaitu *Tafsir Pimpinan al-Rahman* telah ditulis dalam bahasa Melayu dan dijadikan rujukan utama orang Melayu di Malaysia. Lihat perbincangan mengenai biodata dan sumbangannya pada bab ketiga nanti.

²⁵ <http://www.webopedia.com/TERM/d/database.html> (19 Januari 2004)

peninggalan artifak, dan maklumat individu.²⁶ Sesebuah pengkalan data merupakan sebuah pusat yang mampu untuk menyimpan pelbagai maklumat dan rekod yang berguna serta mudah untuk dicapai pada bila-bila masa sahaja dalam masa yang singkat.²⁷ Para pengguna sesebuah pengkalan data akan dapat mencari sebarang maklumat dengan hanya menaip beberapa kata kunci sahaja.

Bagi konteks kajian ini, penulis mencadangkan agar sebuah pengkalan data Tafsir al-Qur'ān ditubuhkan untuk menjadi gedung khazanah yang menyimpan semua maklumat yang berkaitan dengan Tafsir al-Qur'ān lama dan baru.

Secara kesimpulannya sebagai suatu rumusan kepada semua huraian di atas, tajuk ini membincangkan tentang isu pemodenan dan pembaharuan yang berlaku di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu. Isu pemodenan di dalam kajian ini lebih merujuk kepada penggunaan segala teknologi moden hari ini untuk mengukuhkan pengajian Tafsir al-Qur'ān. Manakala isu pembaharuan pula menyentuh tentang perkembangan pentafsiran al-Qur'ān yang bergerak seiring dengan peredaran zaman moden. Kedua-dua kajian tersebut difokuskan di dalam lingkungan orang Melayu yang secara umumnya mempunyai beberapa jati diri yang, melibatkan penggunaan bahasa, budaya, tempat tinggal dan agama. Untuk

²⁶ Sebagaimana rekod yang terdapat di dalam simpanan para majikan yang berkaitan dengan pekerjaanya atau maklumat para pesakit yang terdapat di hospital.

²⁷ Peter Jasco & F.W.Lancaster (1999), *Build Your Own Database* , Chicago & London : American Library Association , hal 1.

melengkapkan kajian terhadap kedua-dua isu tersebut, suatu cadangan ke arah pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān dicetuskan. Pengkalan data tersebut akan berfungsi sebagai sebuah gedung besar yang menyimpan segala maklumat mengenai pengajian Tafsir al-Qur'ān secara menyeluruh.

1.5 - SKOP KAJIAN

Kajian ini secara khususnya membincangkan tentang **tiga** isu utama iaitu (1); pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu ,(2); pemodenan serta pembaharuan yang wujud di dalamnya dan (3); gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān. Huraian mengenai pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu akan meliputi beberapa perkara seperti yang melibatkan contoh-contoh prinsip dan pengaruh kewujudan pengajian Tafsir al-Qur'ān di dalam masyarakat Melayu, huraian ringkas mengenai sejarah pengajian Tafsir al-Qur'ān di alam Melayu, tokoh pentafsir Melayu serta sumbangan mereka untuk disiplin ini dan beberapa Tafsir al-Qur'ān pilihan yang banyak digunakan di kalangan orang Melayu.

Perbincangan untuk aspek pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān akan difokuskan kepada saranan pentafsiran semula al-Qur'ān, peranan Ijtihād, Islāh dan Tajdīd di dalam penghasilan sesebuah kitab Tafsir al-Qur'ān semasa, penggunaan segala teknologi moden untuk mengukuhkan pengajian Tafsir al-Quran serta perkembangan pentafsiran ayat-ayat al-Qur'ān yang telah dilakukan oleh para tokoh pentafsir Melayu.

Perbincangan mengenai gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Quran dihadkan kepada kaitan di antara perkembangan teknologi moden serta kepentingan penguasaan bahasa dengan pengajian Tafsir al-Quran. Perbincangan juga dibataskan kepada asas-asas atau prinsip utama yang harus dijaga di dalam menjayakan pembinaan pengkalan data tersebut.

1.6 - METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi yang digunakan merupakan nyawa atau nadi kepada sesebuah kajian ilmiah. Untuk menyempurnakan kajian ini penulis telah menggunakan dua kaedah yang utama iaitu **kaedah pengumpulan data** dan **kaedah penganalisaan data**.

1.6.1- Kaedah pengumpulan data.

Ketika menggunakan kaedah ini, penulis telah menggunakan kaedah kajian perpustakaan (library research) yang melibatkan pengambilan sumber data daripada beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Nilam Puri Kelantan, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Bahan-bahan yang diperolehi terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Di antara bahan-bahan daripada sumber primer yang digunakan ialah :-

(1.6.1.1) Al-Qur'ān.

(1.6.1.2) Kitab-kitab Tafsir al-Qur'ān yang Mu'tabar.

(1.6.1.3) Kitab-kitab Ḥadīth.

(1.6.1.4) Kitab-kitab Syarah Ḥadīth.

Manakala untuk bahan-bahan daripada sumber sekunder pula, penulis telah menggunakan beberapa bentuk bahan sekunder yang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang utama, seperti:-

(1.6.1.5) Bahan kajian yang ditulis oleh sarjana barat menyentuh persoalan pengajian Tafsir al-Qur'ān di alam Melayu.²⁸

(1.6.1.6) Bahan kajian yang dihasilkan oleh ahli Tafsir al-Qur'ān moden yang banyak terpengaruh dengan aliran reformism.²⁹

(1.6.1.7) Bahan kajian yang dihasilkan oleh para ulama Melayu silam di dalam bidang Tafsir al-Qur'ān. Ianya merangkumi kitab-kitab serta manuskrip Jawi dan Arab yang dikesan berasal dari zaman awal Islam di alam Melayu, yang dianggap

²⁸ Para sarjana Barat dan buku-buku mereka ialah Peter Riddell , Islam and The Malay-Indonesian World Transmission and Responses (2001) & Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States , (1989). Andrew Rippin , The Quran And Its Interpretative Tradition , (2001). Anthony H. John , Quranic Exegesis in Malay World : In Search of a Profile , (1998). Adrian Brocket , The Value Of The Hafs And Warsy Transmission For The Textual History Of The Quran (1998). C.Snoock Hurgronje , Mekka in The Latter Part Of The 19th Century , (1970). Fred R. Von Der Mehden , Two Worlds of Islam : Interaction Between Southeast Asia & The Middle East , (1993) dan Dr. Maurice Bucaille , The Bible The Quran and Science , (1978). Nama cetak kesemua buku-buku tersebut boleh didapati pada bahagian bibliografi.

²⁹ Para sarjana tersebut dan buku-buku mereka ialah ialah Muḥammad Abduh & Muḥammad Rasyid Ridā dengan Tafsīr al-Manār , Sayyid Qūṭb dengan Tafsīr Fī Zīlāl al-Qur'ān , Dr Wahbah al-Zuḥaylī dengan Tafsīr al-Munīr dan sebagainya.

dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān semenjak zaman berzaman.³⁰

(1.6.1.8) Bahan yang berbentuk serial merangkumi jurnal akademik, surat khabar, majalah, bibliografi dan sebagainya yang terpilih di dalam bidang yang dikaji.

(1.6.1.9) Disertasi, latihan ilmiah dan laporan penyelidikan jangka pendek dan panjang yang membabitkan tema kajian yang dihasilkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Malaysia.³¹

(1.6.1.10) Temuduga yang dilakukan secara terancang. Sebelum sessi temuduga dijalankan, soalan yang rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang ditemuduga. Kesemua orang yang ditemuduga adalah merupakan orang-orang yang mempunyai kelayakan sepatutnya berkaitan dengan pengajian al-Qur'ān. Hal ini dilakukan demi untuk memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama. Selain itu, isi kandungan temuduga ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

1.6.2- Kaedah penganalisaan data :

Selepas mengumpulkan segala data yang mempunyai kaitan dengan topik kajian, data-data tersebut telah melalui proses penelitian, saringan dan tapisan

³⁰ Maklumat lanjut mengenai bahan-bahan ini dapat dirujuk pada perbincangan sejarah perkembangan pengajian tafsir di kalangan orang Melayu pada bab ketiga kajian ini.

³¹ Penyenaraian mengenai bahan-bahan ini dapat dilihat semasa penulis menghuraikan kajian-kajian lepas.

menggunakan beberapa kaedah penganalisaan data dengan tujuan untuk menapis serta mengasingkan data-data mengikut keutamaannya. Di antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah :

1.6.2.1 – **Kaedah pensejarahan** yang melibatkan penggunaan sumber-sumber berbentuk sejarah. Contoh penggunaannya ialah semasa membuat huraian mengenai sejarah pengajian Tafsir al-Qur’ān di kalangan orang Melayu, biografi ringkas ahli-ahli tafsir, teks-teks tafsir pilihan serta kesan penggunaannya di alam Melayu.

1.6.2.2 – **Kaedah sosiologi** yang melibatkan perbincangan mengenai perkembangan masyarakat orang Melayu yang terkesan dengan pengajian Tafsir al-Qur’ān serta proses pembaharuan dan pemodenan yang wujud di dalamnya.

1.6.2.3 – **Kaedah analisis kandungan** terhadap beberapa teks pilihan tafsir yang dikesan banyak penggunaannya di kalangan orang Melayu. Analisis tersebut adalah berkaitan dengan huraian ringkas terhadap sesebuah kitab Tafsir al-Qur’ān serta daya tarikan dan kesan penggunaannya di kalangan orang Melayu. Selain itu, analisis ini juga meliputi teks-teks yang mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan kajian.

1.6.2.4 – **Kaedah analisis biografi** yang bertujuan meneliti latar belakang pendidikan seseorang tokoh pengajian Tafsir al-Qur’ān silam dan tempatan.

Ulasan mengenai penggunaan kaedah ini boleh diperhatikan pada bab ketiga nanti.

1.6.2.5 – Kaedah perbandingan di antara beberapa teks-teks dan tokoh-tokoh tafsir. Ianya meliputi perbandingan dari segi cara huraian dan latarbelakang sesebuah kitab tafsir yang dihasilkan oleh penulisnya serta beberapa contoh tentang kesan penggunaannya di alam Melayu.

1.7 - KAJIAN LEPAS.

Sebenarnya topik kajian penulis berkaitan dengan **pengajian Tafsir al-Qur'an di kalangan orang Melayu** bukanlah suatu topik yang baru. Sudah terdapat beberapa pengkaji sebelum ini yang telah menghasilkan kajian dengan skop kajian yang seakan-akan sama dengan topik tersebut. Di antara kajian yang paling hampir mempunyai persamaan dengan topik pilihan penulis ialah kajian Ismail Yusof yang bertajuk *Perkembangan Pengajian dan Penulisan tafsir di Malaysia*.³² Di dalam tesis tersebut, penulisnya telah menghuraikan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia dari berbagai-bagai aspek yang berasingan seperti sejarah, tokoh, sistem pengajian dan sebagainya. Selain itu, beliau juga membawa huraian terhadap beberapa jenis tafsir yang pernah dihasilkan di Malaysia.

³² Ismail Yusof (1992) , *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia* , Tesis Phd , Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

Penulis mendapati tesis ini amat berguna sebagai rujukan utama di dalam menyediakan kerangka kajian. Walaupun begitu, kajiannya agak berbeza dengan apa yang akan dihasilkan oleh penulis dari beberapa aspek seperti isu pemodenan dan pembaharuan serta gagasan pembinaan pengkalan data di dalam pengajian Tafsir al-Qur'an. Isu-isu tersebut ternyata tidak disentuh oleh beliau.

Di samping kajian di atas, penulis juga merujuk kepada ulasan mengenai sejarah pengajian Tafsir a-Qur'an di alam Melayu yang dibuat oleh beberapa sarjana Barat seperti Peter Riddell. Di dalam bukunya yang bertajuk *Earliest Qur'anic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States*,³³ Riddell telah mengulas tentang sejarah perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'an di rantau alam Melayu dan karya-karya awal tafsir yang pernah dihasilkan oleh para ulama' nusantara. Di antara isu yang menarik berkaitan kajian ini ialah penemuan sebuah manuskrip tafsir surah al-Kahf di perpustakaan Universiti Cambridge yang diandaikan sebagai karya Tafsir al-Qur'an yang paling awal dikesan di alam Melayu.³⁴

Manakala di dalam bukunya yang bertajuk *Islam and The Malay-Indonesian World Transmission and Responses* (2001), beliau lebih menekankan tentang perkembangan agama Islam di rantau alam Melayu meliputi Indonesia dan Malaysia. Cuma pada bab yang ke sembilan buku tersebut,³⁵ beliau telah menyentuh beberapa

³³ Peter Riddell (1989), *Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States* , Archipel 38.

³⁴ Ibid , hal 111- 114.

³⁵ Peter Riddell (2001), *Islam and the Malay Indonesian World Transmission and Responses* , Singapore : Horizon Books , hal 139-165

perkara yang sama tentang pengajian tafsir di rantau ini. Pendedahan beliau ini banyak membantu penulis di dalam memantapkan isi pada bab ketiga.³⁶

Maklumat tambahan berkaitan perkara tersebut juga telah diperolehi daripada kajian yang dibuat oleh Andrew Rippin yang bertajuk *Qur'anic Exegesis in Malay World : In Search of a Profile* di dalam *Approaches To The History Of The Interpretation Of The Qur'an*³⁷ dan kajian oleh Howard M. Federspiel yang bertajuk *Kajian al-Qur'ān di Indonesia Dari Mahmud Yunus Hingga Quraish Shihab.*³⁸ Walaubagaimanapun, kajian Howard M. Federspiel ini secara khususnya lebih tertumpu kepada negara Indonesia.

Selain itu, penulis juga banyak merujuk kepada beberapa kajian ilmiah yang melibatkan kajian tokoh terkini dan teks Tafsir al-Qur'ān di rantau ini. Segala maklumat yang berkaitan dengannya telah digunakan pada bab yang ketiga. Di antara kajian yang berkaitan dengan tokoh tersebut ialah kajian Wan Sabri Wan Yusof yang bertajuk, *Hamka's Tafsir al-Azhar : Qur'anic Exegesis as a Mirror of Social Change,*³⁹ kajian Wan Ramizah bt Hassan yang bertajuk *Sumbangan Syeikh Abdullah Basmeih dalam Bidang tafsir : Suatu tumpuan kepada kitab tafsir pimpinan*

³⁶ Lihat huraihan mengenai beberapa karya tafsir berbahasa Arab yang banyak digunakan oleh orang Melayu pada bab yang ketiga.

³⁷ Andrew Rippin (1998) , *Quranic Exegesis in Malay World : In Search of a Profile* di dalam *Approaches To The History Of The Interpretation Of The Qur'an* , Oxford : Clarendon Press.

³⁸ Howard M. Federspiel (1996) , *Kajian al-Qur'ān di Indonesia Dari Mahmud Yunus Hingga Quraish Shihab* , Bandung : Penerbit Mizan , Cet. Pertama.

³⁹ Tesis Phd Temple University tahun 1997. Kajian tersebut telah mengkaji peranan tokoh tafsir Indonesia Prof. Dr Hamka serta tafsirnya Tafsir al-Azhar terhadap perubahan sosial masyarakat Islam di rantau ini.

al-Rahman,⁴⁰ kajian Rafiah bt Hussin yang bertajuk *Metodologi Penafsiran Surah Yunus oleh YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat*,⁴¹ kajian Nik Fatimah Azzahraa Nik Abdul Kadir yang bertajuk *Sumbangan Y.A.B Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Bidang Pentafsiran al-Qur'an : Kajian Terhadap Surah al-Tawbah*⁴² dan kajian Abd. Ghani Husain yang bertajuk *Metodologi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam tafsir al-Qur'an*⁴³ serta kajian Najihah Md Yusof yang bertajuk *Sumbangan Tuan Haji Muhd Said bin Omar kepada ilmu tafsir al-Qur'an : Tumpuan Khas Kepada Kitab Nurul Ehsan*⁴⁴

Manakala perkara kedua yang menjadi topik perbincangan utama kajian ini ialah **isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian tafsir**. Berdasarkan pemerhatian penulis, isu tersebut tidak banyak dikaji oleh para pengkaji di Malaysia. Setakat yang berjaya penulis temui ialah kajian yang dibuat oleh Hindun Abdullah ; bertajuk *Bentuk-bentuk pentafsiran al-Qur'an di zaman moden : suatu kajian kitab Tafsir al-Manār*.⁴⁵ Di dalam kajian ini, beliau telah mengulas mengenai bentuk-bentuk pentafsiran zaman moden yang dibuat oleh pengarang kitab tafsir al-Manār. Selain itu, seorang sarjana dari Indonesia iaitu Dr. Quraish Shihab di dalam bukunya

⁴⁰ Tesis sarjana Usuluddin tahun 2000 , Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya , Kuala Lumpur

⁴¹ Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 2000 , Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

⁴² Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 2002 , Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

⁴³ Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 1996/97 , Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya Kuala Lumpur.

⁴⁴ Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 1991 , Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya Kuala Lumpur.

⁴⁵ Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 1991 , Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

yang terkenal *Membumikan al-Qur'ān* juga ada menyentuh tentang perkara ini,⁴⁶ bahkan buah fikiran untuk penulis memasukkan isu ini diperolehi setelah membaca bukunya itu.

Dr. Yūsuf al-Qarađāwī juga pernah mengulas tentang isu ini dengan menyentuh kaitan di antara ilmu Sains moden dengan Tafsir al-Qur'ān di dalam bukunya *Kayf Nata'āmal Ma' al-Qur'ān al-'Ażīm*.⁴⁷ Penulis juga telah menemui sebuah buku yang secara tepat mengutarakan topik ini iaitu karya Dr. Muḥammad Ibrāhīm Syarīf yang bertajuk *Ittijāhāt al-Tajdīd Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Fī Miṣr (Aspek-aspek pembaharuan di dalam pentafsiran al-Qur'ān di Mesir)*.⁴⁸ Beliau telah menghuraikan aspek-aspek pembaharuan di dalam karya-karya Tafsir al-Qur'ān di Mesir serta kecenderungan para penulisnya. Walaubagaimanapun, latar belakang kepada kajian ini lebih berorientasikan negara Mesir yang secara langsungnya tidak boleh disamakan dengan kajian penulis. Dr. Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī di dalam bukunya *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn* juga ada menyebut tentang isu pemodenan dan pembaharuan di dalam tafsir al-Qur'ān di kurun kedua puluh. Akan tetapi seperti Dr. Muḥammad Ibrāhīm Syarīf, beliau hanya menekankan bentuk-bentuk pemodenan yang telah berlaku di Timur Tengah sahaja tanpa memasukkan alam Melayu.⁴⁹

⁴⁶ Op.cit , Dr. M. Quraish Shihab , hal 92-96

⁴⁷ Dr Yūsuf al-Qarađāwī (2000), *Kayf Nata'āmal Ma' al-Qur'ān al-'Ażīm*, Qāhirah : Dār al-Syurūq , cet. kedua , hal 386-394.

⁴⁸Op.cit , Dr. Muḥammad Ibrāhīm Syarīf.

⁴⁹ Op.cit , Dr. Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, hal 576-579.

Isu seterusnya yang di sentuh di dalam kajian ini ialah gagasan **pentafsiran semula** al-Qur'an. Isu ini telah disentuh oleh Mohd Salleh Lebai Udin di dalam kajiannya yang bertajuk *Penyelewengan tafsir ayat-ayat al-Qur'an masa kini : tumpuan khusus pada ayat 195 surah al-Baqarah, ayat 99 surah al-Hijr, ayat 11 surah al-Ra'd, ayat 10 surah al-Jumu'at.*⁵⁰ Selain itu, maklumat berkaitan dengan perkara tersebut banyak juga diperolehi daripada buku senarai ucapan Perdana Menteri Malaysia ke 4 yang disusun oleh Annual Bakri Haji Haron & Kamarul Zaman Haji Yusoff bertajuk *Mendekati Pemikiran Islam Dr Mahathir*⁵¹ dan Hashim Makaruddin bertajuk *Islam and the Muslim Ummah, Selected Speeches by Dr Mahathir Mohamad.*⁵² Kedua-dua buku tersebut telah menyenaraikan beberapa siri ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad tentang cadangan supaya al-Qur'an ditafsirkan semula mengikut kehendak semasa.

Di samping isu pemodenan dan pembaharuan, penulis juga ada menekankan kepada kepentingan medium teknologi terkini serta bahasa di dalam menyampaikan dakwah Islam. Di antara buku-buku yang ada menyentuh tentang salah satu daripada isu-isu tersebut ialah buku Syaikh Mohd Saifudeen bin Syaikh Mohd Salleh yang bertajuk *Memahami Islam melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi,*⁵³

⁵⁰ Latihan ilmiah sarjana muda Usuluddin tahun 1995, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

⁵¹ Annual Bakri Haji Haron & Kamarul Zaman Haji Yusoff (2000), *Mendekati Pemikiran Islam Dr Mahathir* , Pustaka Qamar : Kota Bharu , cetakan pertama.

⁵² Hashim Makaruddin (pngr) (2000), *Islam and the Muslim Ummah , Selected Speeches by Dr Mahathir Mohamad* , Pejabat Perdana Menteri : Putra Jaya.

⁵³ Buku tersebut ialah himpunan kertas kerja yang telah disusun semula oleh pengarangnya. Di dalamnya banyak menyentuh tentang kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam menyampaikan dakwah Islam. Dakwah tersebut boleh merangkumi penyebaran Islam dengan berdasarkan pengajian tafsir. Lihat , Shaikh Mohd Saifudeen bin Shaikh Mohd Salleh (pngr) (2000) ,

buku Zulkifle Abd Ghani, *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*⁵⁴ dan beberapa kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar *Memahami Agama Islam Menerusi Tekno-Da`ei*.⁵⁵

Penulis berpendapat, fokus atau ciri utama yang membezakan kajian ini dengan semua kajian yang pernah dibuat di bidang ini ialah tentang gagasan pembinaan pengkalan data *Tafsir al-Qur'an*. Setakat yang telah penulis teliti, belum pernah ada pengkaji sebelum ini yang menjalankan kajian atau mengutarakan cadangan seumpama ini. Ada saranan telah dibuat tentang pembinaan pengkalan data untuk *Fiqh Malaysia*⁵⁶ di dalam satu kertas kerja yang dibentangkan semasa Seminar Hukum Islam Semasa II Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah berlangsung pada 23 dan 24 haribulan Jun 1999.

Walaubagaimanapun, cadangan itu dibuat khusus untuk pengajian *Fiqh* dan bukan *Tafsir al-Qur'an*. Penulis berpendapat pengajian *Tafsir al-Qur'an* lebih patut diutama dan dijadikan payung utama kerana ianya lebih meluas dan merangkumi

Memahami Islam melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi , Institut Kefahaman Islam Malaysia ,cetakan 1.

⁵⁴ Zulkifle Abd Ghani (2001) , *Islam , Komunikasi dan Teknologi Maklumat* , Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd , cetakan pertama.

⁵⁵ Seminar Memahami Agama Islam Menerusi Tekno-Da`ei telah dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia pada 25 & 26 haribulan Februari 2003 di IKIM. Semina

⁵⁶ Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000) , *Fiqh Malaysia : Suatu Tinjauan Sejarah* dalam Paizah Hj Ismail & Ridzwan Ahmad (pngr) (2000) , *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini* , Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya , Kuala Lumpur.

perbincangan pelbagai disiplin ilmu lain. Bahkan pengajian Fiqh itu sendiri terbit secara tidak langsung daripada pengajian tafsir atau pengkajian terhadap ayat-ayat Qur'an. Selain daripada cadangan tersebut, penulis juga menemui satu gagasan untuk memasukkan data tentang pengajian al-Quran yang meliputi ulasan tafsir, bahasa dan sebagainya ke dalam aplikasi komputer. Cadangan tersebut telah disebut oleh Dr. M. Quraish Shihab di dalam bukunya *Membumikan al-Qur'ān*.⁵⁷ Walaubagaimanapun cadangan tersebut lebih bersifat umum tanpa huraian yang khusus mengenai penggunaan pengkalan data sebagai tempat pengumpulan tafsir-tafsir lama dan baru.

Oleh itu, penulis berpendapat cadangan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān itu sebagai sebuah tafsir digital yang moden perlu dipertahankan. Pada masa yang sama, kajian ini juga perlu diteruskan kerana pendekatan yang penulis utarakan di dalam kajian ini merupakan suatu perkara yang baru dan ianya sudah pasti akan memberi faedah yang besar kepada seluruh umat Islam. Berdasarkan kepada penelitian yang telah dinyatakan di atas, penulis mendapati belum pernah ada mana-mana pengkaji sebelum ini (pada peringkat pengajian sarjana) yang menjalankan kajian dengan tajuk serta tumpuan sedemikian. Oleh itu penulis, merasakan kajian ini perlu diteruskan untuk mencapai hasilan baru untuk agama dan dunia akademik di negara kita.

⁵⁷ **Op.cit** , Dr. M. Quraish Shihab , hal 202-205.

1.8 - SUSUNAN PENULISAN

Kajian ini mengandungi lima bab. Isi kandungan bagi setiap bab adalah seperti berikut ;

Bab Pertama : Bab ini mengandungi bahagian pendahuluan yang menghuraikan tentang latar belakang masalah, hipotesis kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, metodologi kajian, kajian-kajian lepas serta susunan penulisan.

Bab Kedua. : Fokus utama bab ini ialah mengenai isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān. Perbincangan pada bab ini menyentuh tentang pengertian tafsir, jenis-jenis tafsir al-Qur'ān dan syarat-syarat yang harus dimiliki oleh seseorang pentafsir al-Qur'ān serta kaitan kedua-duanya dengan isu kajian. Penulis juga mengukuhkan isu tersebut dengan perbincangan mengenai proses ijтиhad, tajdid dan saranan pentafsiran semula al-Qur'ān. Pada bahagian akhir bab ini, penulis telah menyertakan beberapa contoh ayat-ayat al-Qur'ān yang boleh ditafsirkan dengan penyesuaian semasa dan zaman moden.

Bab Ketiga : Bab ini dimulakan dengan penyenaraian beberapa pengaruh atau prinsip umum daripada pengajian Tafsir al-Qur'ān yang sudah sedia terjelma di dalam budaya hidup masyarakat Melayu semenjak zaman berzaman. Seterusnya, penulis membawa perbincangan mengenai sejarah ringkas perkembangan pengajian tafsir di kalangan orang Melayu, beberapa tokoh pentafsir Melayu dan sumbangan

mereka terhadap pengajian Tafsir al-Qur'ān serta beberapa buah jenis kitab tafsir yang popular dan banyak digunakan oleh orang Melayu. Pada akhir bab ini penulis telah mengulas mengenai aspek-aspek pemodenan dan pembaharuan yang dapat dikesan di dalam pengajian tafsir di kalangan Orang Melayu bersama dengan beberapa contoh pentafsiran yang telah dibuat oleh mereka.

Bab Keempat : Di awal bab ini penulis menyentuh mengenai kepentingan medium bahasa dan teknologi terkini di dalam usaha penyebaran dakwah Islam. Pada bahagian seterusnya, penulis mengutarakan gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan semua tafsir klasik dan moden. Penulis juga telah membuat perincian ringkas mengenai konsep serta ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh pengkalan data tersebut.

Bab Kelima : Bab ini merupakan bab terakhir yang mengandungi kesimpulan menyeluruh tentang topik kajian yang telah dijalankan. Selain itu, beberapa saranan serta cadangan juga diberikan kepada beberapa golongan yang tertentu demi untuk mendapat kesan serta keputusan yang baik bagi mengembangkan lagi dakwah Islam berasaskan pengajian Tafsir al-Qur'ān.